

## **Penghayatan Nilai Murni dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah Masa Kini**

*(Embedding Good Values in Current Scenario among Secondary School's Students)*

MOHAMAD KHAIRI HJ OTHMAN

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden  
Universiti Utara Malaysia  
*E-mel: m\_khairi@uum.edu.my*

ASMAWATI SUHID & SAMSILAH ROSLAN  
Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia

### **Abstrak**

*Masalah sosial remaja semakin meningkat dan amat membimbangkan. Keadaan ini menimbulkan persoalan sejauhmanakah penghayatan nilai murni dalam kehidupan mereka dipraktikkan? Pada masa ini dikatakan sedikit kajian tentang penghayatan nilai murni pelajar. Justeru, artikel ini membincangkan dapatan kajian berkaitan penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Data dikutip melalui soal selidik yang melibatkan pelajar sekolah menengah harian terpilih di Semenanjung Malaysia dan disokong dengan data temubual separa struktur. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya penghayatan nilai murni pelajar berada pada tahap sederhana tinggi. Kajian ini mendapat hanya tiga dimensi nilai murni yang menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi iaitu nilai kesyukuran, nilai patriotisme dan nilai hormat menghormati. Manakala 14 dimensi nilai murni menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi. Berdasarkan nilai-nilai tersebut, nilai yang terendah ialah nilai berdikari, nilai semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan. Kesimpulannya, beberapa implikasi kajian turut dibincangkan dalam kertas kerja ini dalam usaha membentuk nilai murni pelajar.*

**Katakunci:** penghayatan, nilai murni, pelajar, masalah sosial, masa kini.

***Abstract***

*Social problems among students are to be observed as getting serious. Due to this, one question related to social and disciplinary problems has been brought up – how far have students learn to internalise and practise good values in their lives. Hence, this article presents findings related to internalization of good values in current scenario among secondary school students. This study used a descriptive survey research design. Data collected through the questionnaire survey involving secondary school students selected in Peninsular Malaysia and supported by semi-structure interview data. The results showed that the overall internalization of good values were at moderately high level. This study found that only three dimensional values that indicate a high level of internalization. The good values are the value of gratitude, patriotism and the value of respect. The 14 dimensional values indicate a moderately high level of internalization. Among these values, the lower is the value of independent, community spirit and the value of diligent. In conclusion, some implications of the study are discussed in this paper in order to develop student's values.*

**Keywords:** Internalization, good values, students, social problems, current scenario.

**Pengenalan**

Salah satu cabaran negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 adalah untuk melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika. Bagi merealisasikan aspirasi negara, kemantapan dan kemurnian sistem pendidikan negara merupakan asas penting. Hasrat ini terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan iaitu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2005).

Menurut Abd. Rahim Abd. Rashid (2001) pengetahuan dan kefahaman nilai murni akan menimbulkan kesedaran dan penghayatan kepada pelajar tentang pelbagai isu moral yang seterusnya menguasai dan mempengaruhi amalan dan tindakan seseorang. Tajul Ariffin Noordin dan Nor'Aini Dan (2002) juga menjelaskan untuk membentuk akhlak, etika dan nilai murni yang baik seseorang perlu menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap yang baik tentang nilai. Lantaran itu, Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) telah menggariskan antara ciri-ciri rakyat Malaysia yang berakhlaq mulia iaitu mempunyai pengetahuan tentang nilai-nilai baik dan buruk, mempunyai kesedaran tentang kesan daripada perbuatan yang baik dan buruk, mempunyai keyakinan terhadap nilai-nilai murni, menghayati segala nilai mulia yang merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan dan

seterusnya mengamalkan perlakuan yang baik dan menghindari perlakuan yang buruk.

Pusat Perkembangan Kurikulum (1990) menegaskan bahawa walaupun pengetahuan tentang nilai diperlukan, ia mesti diperkuuhkan dengan kesedaran, keyakinan, penghayatan dan amalan. Ini hanya dapat dilaksanakan apabila sekolah yang dianggap sebagai "institusi yang menyedarkan nilai" yang terbaik dapat menyediakan peluang yang mencukupi untuk pelajar menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni tersebut (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1990).

Dalam perkembangan kini, masalah gejala sosial dan disiplin pelajar didapati semakin hari semakin serius (Engku Ahmad Zaki Engku Alwi, 2009; Ab. Rahman Ismail, 2008; Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2007; Amaludin Ab. Rahman & Khadijah Alavi, 2007). Masyarakat sering membincangkan isu masalah gejala sosial terutama dalam kalangan remaja khususnya para pelajar di sekolah dan di institusi pengajian tinggi. Remaja sering dikatakan tidak berakhhlak, tidak pandai membuat pertimbangan nilai dan pelbagai lagi ciri negatif (Lihanna Borhan, 2001). Masalah gejala sosial yang melibatkan golongan remaja dengan budaya lepak, curi, dadah, bohsia dan perlakuan yang bertentangan nilai-nilai murni serta sebagainya telah didedahkan kepada kita menerusi akhbar, radio dan televisyen.

Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak namun gejala keruntuhan akhlak dan moral dalam kalangan remaja masih berleluasa. Ini jelas berdasarkan data bilangan kes salah laku pelajar seperti yang dikeluaran oleh Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pelajaran Malaysia (2012) pada Jadual 1.

Jadual 1

*Bilangan kes salah laku disiplin murid*

Bil	Jenis Salah Laku	2010 Jumlah	2011 Jumlah
1.	Berunsur jenayah	17595	18457
2.	Berunsur kelucahan	3031	2163
3.	Kurang sopan	18346	17189
4.	Laku musnah	5212	5343
5.	Kemasan diri	21384	20778
6.	Ponteng sekolah	19545	18754
7.	Kenakalan	8563	8923
8.	Tidak penting masa depan	17808	18611

\*Jumlah kes disiplin murid sehingga bulan Jun 2012

Sumber: Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM (2012)

Berdasarkan data tentang bilangan kes salah laku disiplin murid (Jadual 1) menunjukkan jumlah kes disiplin murid sekolah menengah kebangsaan harian agak tinggi. Beberapa jenis salah laku murid didapati meningkat dari tahun 2010 - 2011. Antaranya, jenis salah laku disiplin berunsur jenayah meningkat sebanyak 862 kes, salah laku musnah meningkat sebanyak 131 kes, salah laku kenakalan meningkat sebanyak 360 kes dan salah laku tidak pentingkan masa juga meningkat sebanyak 803 kes dari tahun 2010 kepada tahun 2011. Terdapat juga jenis salah laku disiplin murid yang menurun bilangan kes seperti salah laku disiplin berunsur kelucahan turun sebanyak 868 kes, kurang sopan turun sebanyak 1157 kes, kekemasan diri turun sebanyak 606 kes dan ponteng sekolah turun sebanyak 791 kes. Selain itu, data Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan salah laku pelajar kurang sopan seperti merokok, tidak hormat guru dan pengawas serta berbahasa kesat adalah kesalahan paling banyak berlaku di sekolah yang membabitkan 23,220 kes pada tahun 2007 dan 19,980 kes pada tahun 2006 (Anuar Ahmad, 2009).

Secara keseluruhannya, jumlah bilangan dalam kes-kes salah laku disiplin murid sekolah di Malaysia masih menunjukkan bilangan kes yang tinggi. Malah, Mohd Najib Tun Razak menyatakan bahawa di Malaysia, masalah sosial membimbangkan (Masalah sosial, 2007) dan hebat diperkatakan dan diperbincangkan di mana-mana sahaja (Aminuddin Hassan, Rohaiza Ishak, & Vizata M. Sapian, 2009).

Data yang ditunjukkan jelas menggambarkan keruntuhan moral dan gejala sosial yang semakin meruncing dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia. Ini memberi impak dan kesan terhadap sejauhmana keberkesanannya sistem pendidikan kita membentuk generasi yang berakhlik, bermoral dan memiliki serta menghayati nilai-nilai murni dalam kehidupan sehari-hari.

Menurut Khadijah Rohani Mohd Yunus (2008) amalan dan proses pendidikan yang menyumbang ke arah pembentukan nilai dalam diri generasi muda adalah semakin berkurangan. Pendidikan hari ini terlalu memfokuskan kepada kejayaan akademik yang menyebabkan pendidikan afektif diabaikan (Khadijah Rohani Mohd Yunus, 2008). Oleh itu, hasil dapatkan beberapa kajian tentang aspek pengetahuan, kefahaman dan penghayatan akhlak, moral dan nilai murni menunjukkan bahawa responden tidak dapat mendefinisikan konsep akhlak, kurang memahami dengan tepat makna moral, penghayatan nilai murni tidak begitu menonjol dan amalan nilai murni pula berada di tahap sederhana (Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail, 2002; Asmawati Suhid, Rahil Mahyuddin dan Abdul Rahman Md. Aroff, 2001; Zakaria Kasa et al., 1996; Ab. Rahman Mahmud & Amidin Zin, 2003).

Sementara itu, kajian Robiah Kulop Hamzah (2001) mendapati guru hanya menggunakan prinsip asas penanaman nilai yang pertama iaitu

prinsip mengajar nilai untuk tujuan memberi pengetahuan nilai kepada pelajar daripada tiga prinsip asas penanaman nilai iaitu mengetahui nilai, memahami nilai dan menghayati nilai seperti yang disarankan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (1988) dan Superka, Ahren, Hedstrom, Ford, & Johnson (1976). Selain itu, keadaan berkaitan dengan kepincangan nilai generasi kini jelas sebagaimana yang dinyatakan oleh Hishamuddin Hussein Onn (2005: 3) selaku Menteri Pelajaran Malaysia seperti berikut :

*Hari ini kita jarang-jarang dapat melihat warga tua dipimpin oleh anak-anak muda untuk melintas jalan. Kita juga sudah ketandusan budaya sapa menyapa, kurangnya rasa hormat-menghormati, tidak menghargai harta benda awam dan tidak mengutamakan kepada kebersihan. Keadaan ini jika dibiarkan, lama-kelamaan akan merosakkan tamadun dan mencemarkan budaya bangsa yang kaya dengan budi pekerti serta nilai-nilai murni yang tinggi*

Kekurangan penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat menyebabkan perilaku mereka menjurus ke arah negatif (Fatimi Hanafi & Mohd Zamani Ismail, 2006). Begitu juga pernyataan bahawa penghayatan akhlak yang lemah sering dikaitkan dengan gejala keruntuhan akhlak masa kini (Harery Abu Saad, 2007). Menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor ‘Aini Dan (2002) masalah keruntuhan akhlak dan nilai berpunca daripada minda manusia yang terlupa akan tujuan sebenar mereka dihidupkan di dunia ini. Kealpaan ini menyebabkan manusia mudah tewas kepada tuntutan hawa nafsu dan bersikap materialistik (Tajul Ariffin Noordin dan Nor ‘Aini Dan,2002). Akhirnya berlaku jenayah kolar putih, rasuah, pecah amanah, ketagihan dadah dan pelbagai tingkah laku yang menyimpang yang dilakukan bukan sahaja dalam kalangan orang yang kurang berpendidikan tetapi juga tidak terkecuali golongan yang dianggap intelek dan terpelajar. Oleh itu, kajian tentang penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar semakin penting dewasa ini bagi menjelaskan status tahap penghayatan nilai murni pada masa kini secara empirikal.

Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk :

1. Mengenal pasti penghayatan 17 nilai murni pelajar sekolah menengah kebangsaan.
2. Menjelaskan gambaran yang mendalam tentang penghayatan 17 nilai murni pelajar.

Definisi dalam kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (1994) menjelaskan hayat bermaksud hidup. Menghayati bermaksud mengalami serta merasai

(dalam batin) atau meresap ke dalam jiwa. Penghayatan adalah perihal kepada kata kerja menghayati. Istilah ini menjelaskan terdapatnya perlakuan tertentu yang dilaksanakan sehingga meninggalkan kesan kepada jiwa. Ini menunjukkan bahawa sekiranya sesuatu perlakuan dilaksanakan tetapi tidak meninggalkan kesan kepada jiwa maka perlakuan itu belum dihayati (Azma Mahmood, 2006).

Dari segi konsep, penghayatan ialah pemanduan sikap, kepercayaan, nilai-nilai, pendapat dan lain-lain ke dalam sahsiah (personaliti) seseorang (Hassan Langgulung, 1987). Ia merupakan satu bentuk pengakuruan dengan penghayatan nilai atau kepercayaan merupakan pengaruh sosial yang paling kekal dan paling berakar. Ini adalah kerana motivasi untuk menghayati nilai atau kepercayaan tertentu tertanam di dalam diri seseorang dan berkait dengan keinginan untuk memperolehi kebenaran (Hassan Langgulung, 1987). Manakala Nik Azis Nik Pa (2007) menjelaskan penghayatan merujuk kepada aspek menjadikan sesuatu perkara sebagai amalan sehari-hari atau satu tabiat. Sementara itu, Young (1995) menjelaskan penghayatan nilai diperhatikan apabila kelakuan yang diterima digenerasikan dari faktor intrinsik dan bukan dari faktor akibat-akibat luar.

Penghayatan adalah salah satu proses pembelajaran sosial dengan manusia atau perkara-perkara tertentu menjadi perangsang bagi seseorang untuk mengamalkan atau menghayati nilai-nilai tertentu (Hassan Langgulung, 1987). Fungsi utama pendidikan pada zaman dahulu ialah pemindahan nilai-nilai dari generasi tua ke generasi muda agar identiti suatu masyarakat terpelihara (Hassan Langgulung, 1987). Begitu juga, fungsi pendidikan pada zaman sekarang perlu pemindahan nilai-nilai, namun kaedah dan teknologi pemindahan itu yang berbeza, dimana sekarang penggunaan komputer dan media massa nilai-nilai dipindahkan secara besar-besaran (Hassan Langgulung, 1987).

Aspek penghayatan nilai murni merangkumi nilai-nilai kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan (Nik Azis Nik Pa, 1994). Penghayatan nilai-nilai murni merupakan satu faktor utama yang boleh memastikan pembentukan kesefahaman dan kesepadan dalam mentafsirkan dan merealisasikan wawasan 2020 (Nik Azis Nik Pa, 1994). Menurut Nik Azis Nik Pa (1994) penghayatan nilai-nilai murni menjadi faktor utama kerana kemajuan kebendaan tanpa nilai-nilai moral dan etika tidak akan mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian yang berkekalan, tetapi sebaliknya banyak membawa keburukan dan kezaliman. Malah penghayatan nilai-nilai murni boleh menghindari individu menyalahgunakan kepintaran, kemahiran, kedudukan atau kekayaan yang dimiliki (Nik Azis Nik Pa, 1994). Penghayatan nilai-nilai murni boleh menjadi benteng kepada amalan-amalan buruk seperti penyelewengan, kejahilan, kecuaian dan kezaliman (Nik Azis Nik Pa, 1994).

Nik Azis Nik Pa (2007) turut menjelaskan faktor penghayatan ilmu dan amal yang rendah menyebabkan jurang antara pengetahuan dan pengamalan.

Penghayatan adalah bersangkutan dengan tindakan menjiwai ilmu dan iman sehingga diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan tingkah laku (Nik Azis Nik Pa, 2007). Maka penghayatan nilai murni menuntut seseorang itu memahami dan mengamalkan akhlak mulia dan nilai-nilai murni yang baik (Yakan, 1985). Antara akhlak mulia dan nilai murni yang baik yang dianjurkan untuk dihayati oleh insan ialah malu, bersangka baik, benar, sabar, menjaga pandangan dan lidah dan sebagainya.

Mansor Abd. Kadir (1997) menjelaskan bahawa penghayatan akhlak dan nilai murni boleh digambarkan melalui tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang. Sementara itu, Jamiah et al. (2004) menjelaskan bahawa terdapat beberapa prinsip yang perlu ada dalam mengukur penghayatan keagamaan (*religiosity*) seseorang. Prinsip-prinsip untuk mengukur penghayatan keagamaan itu ialah penilaian tersebut adalah (a) berdasarkan aspek zahir sahaja, (b) pengukuran boleh dibuat namun pengukuran sebenar yang paling tepat adalah hak di sisi Allah, (c) pengukuran penghayatan keagamaan adalah berdasarkan kepada manifestasi iman, Islam dan ihsan.

Penghayatan nilai boleh dididik melalui disiplin, pengajaran, contoh atau model, pengukuhan sosial dengan tingkah laku yang sesuai dan persekitaran yang sesuai yang boleh membentuk tingkah laku (Young, 1995). Pelajar perlu digalakkan mencontohi dan mengamalkan nilai-nilai yang baik sebagai satu penghayatan keterampilan diri dan kualiti warganegara yang baik serta prihatin terhadap soal-soal kehidupan dan pembinaan diri (Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001).

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan deskriptif. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian tinjauan deskriptif mampu menghurai isu-isu dan masalah dalam pelbagai perspektif terutamanya yang melibatkan sikap, pandangan, kepercayaan, perasaan, tingkah laku dan persepsi (Creswell, 2005). Ary, Jacobs, Razavieh dan Sorenson (2006) juga menjelaskan kaedah tinjauan deskriptif ini sesuai digunakan untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkah laku.

Pendekatan yang biasa digunakan untuk mengumpul maklumat dalam kajian deskriptif ialah dengan menggunakan soal selidik dan juga temubual berprotokol (Johnson & Christensen, 2007). Oleh itu, soal selidik

akan bertindak sebagai instrumen utama dalam kajian ini bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi yang besar dan sampel yang banyak. Sementara itu, kaedah temubual juga digunakan dalam kajian ini bagi mengukuhkan daptan kajian khususnya berkaitan daptan deskriptif tentang aspek penghayatan nilai murni pelajar. Mengikut Best dan Kahn (1989) temubual sebenarnya adalah soal selidik yang dijawab secara lisan dan bersemuka. Gordon (2004) menyarankan kaedah temubual adalah perlu walaupun kaedah soal selidik boleh menyediakan maklumat dan data kajian.

Pemilihan pelajar tingkatan empat untuk menyertai kajian ini dibuat kerana secara umumnya mereka telah melepassi tahap kematangan umur baligh (melebihi 15 tahun) (Abdullah Nasih 'Ulwan, 1984). Para pelajar yang berada pada tahap umur ini diandaikan mampu menilai diri mereka sendiri serta mampu pula menilai di antara perkara yang baik dengan yang buruk yang menjadi elemen utama pemungutan data dalam kajian ini. Menurut Hassan Langgulung (1995), antara kaedah yang baik untuk digunakan dalam kajian yang berkaitan dengan personaliti dan akhlak serta nilai murni ialah penilaian kendiri dalam kalangan mereka yang terlibat.

Selain itu, pelajar-pelajar tingkatan empat dipilih kerana mereka telah mengikuti proses pengalaman pembelajaran melalui nilai merentasi kurikulum selama sekurang-kurangnya sembilan tahun di peringkat sekolah rendah (KBSR) dan menengah (KBSSM). Oleh itu, diharapkan mereka mampu menilai diri mereka dalam aspek penghayatan nilai murni yang telah diperolehi melalui pembelajaran nilai merentas kurikulum.

Secara asasnya, kaedah persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah persampelan rawak bagi memastikan setiap ahli mempunyai peluang yang sama bagi mewakili populasi dalam kajian ini (Ary et al. 2006). Bagi melaksanakan kaedah persampelan ini, teknik persampelan rawak berlapis, persampelan rawak berkelompok dan persampelan rawak mudah telah digunakan. Oleh itu, seramai 448 orang pelajar tingkatan empat sekolah menengah harian Semenanjung Malaysia yang telah menjawab soal selidik telah dipilih untuk digunakan dalam analisis kajian ini. Manakala seramai 12 orang responden telah dipilih secara rawak dari jumlah sampel dalam kajian ini menyertai sesi temu bual separa berstruktur yang berfungsi sebagai sokongan data yang diperoleh tentang penghayatan nilai murni dalam kalangan responden.

Instrumen soal selidik ‘penghayatan nilai murni’ telah digunakan dalam kajian. Instrumen ‘penghayatan nilai murni’ adalah satu set soal selidik menyenaraikan sikap, pegangan, kebiasaan dan amalan nilai murni pelajar

sekolah menengah yang telah dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan aspek 17 nilai murni yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum (2005). Item-item ini dibina dan diubahsuai oleh penyelidik berdasarkan bahan-bahan rujukan dan item-item soal selidik kajian-kajian lepas yang berkaitan antaranya Abdul Rahman Md. Aroff (1993), Zakaria Kasa et al. (1994), Nik Zaharah Nik Yaakob (2007), Abd. Rahim Abd. Rashid (2001), Sufean Hussin (1989) dan Nor Azizah Mohd. Salleh et al. (2001).

Terdapat 113 item dikemukakan yang meliputi 17 konstruk nilai murni. Setiap item dalam soal selidik ini dijawab menggunakan lima skala likert iaitu tidak pernah dengan skor 1 mata, jarang-jarang dengan skor mata 2, kadang-kadang dengan skor 3 mata, kerap dengan skor 4 mata dan akhir sekali sangat kerap dengan skor 5 mata. Ini bermakna nilai skor yang tinggi menunjukkan penghayatan nilai murni yang tinggi. Manakala instrumen temu bual pula diadaptasi daripada pernyataan-pernyataan dalam instrumen soal selidik ‘penghayatan nilai murni’ bagi mengekalkan nilai kesahan kandungan instrumen temu bual yang bertujuan untuk mengutip data tentang konsep yang sama.

Kesahan muka dan kandungan instrumen yang digunakan dalam kajian telah diperakui dan persetujuan oleh lima orang panel pakar. Panel pakar telah menilai kandungan item-item soal selidik mencukupi, mencakupi dan sesuai untuk mendapatkan maklumat berkaitan penghayatan nilai murni pelajar.

Seterusnya bagi menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen dan memantapkan item-item soal selidik, ujian *Cronbach Alpha* dijalankan dan didapati nilai alpha bagi setiap bahagian item berada di atas 0.6. Keseluruhan item penghayatan nilai murni mencatat nilai alpha .95. Ini menunjukkan instrumen tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang boleh diterima. Ia berdasarkan pendapat ramai penyelidik mencadangkan bahawa nilai pekali alpha yang melebihi 0.8 lazimnya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh diterima bagi sesuatu instrumen (Brymen & Cramer, 1999; Aiken, 2000; Zaidatun & Mohd. Salleh, 2003).

Semua item soal selidik dianalisa dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for Social Science (SPSS)* secara deskriptif dengan statistik yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Bagi menentukan tahap penghayatan nilai murni pelajar, intepretasi dibuat berdasarkan seperti tata cara dalam pengiraan sela jeda yang dibina oleh Bahaman dan Turiman (1999) dan mengikut rumusan yang disarankan oleh Nunally (1978) seperti Jadual 2:

## Jadual 2

*Tafsiran Skala Min*

Julat Skor Min	Interpretasi Penghayatan Nilai Murni
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana tinggi
2.01-3.00	Sederhana rendah
1.00-2.00	Rendah

Manakala data dari temu bual separa berstruktur tentang aspek penghayatan nilai murni pelajar yang dirakam telah ditranskripsi. Seterusnya dianalisis dengan mengenal pasti tema-tema utama yang timbul dari hasil temu bual dan dikategorikan mengikut pembahagian asal kategori dalam inventori penghayatan nilai murni.

**Dapatan Kajian**

Jadual 3 menunjukkan secara keseluruhan skor min penghayatan nilai murni pelajar adalah sederhana tinggi iaitu min 3.79 dengan sisihan piawai .35 (nilai julat skor skala Likert 1 hingga 5). Dapatkan selanjutnya menunjukkan daripada 17 nilai murni, terdapat 3 dimensi nilai murni menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi iaitu skor min yang melebihi 4.01. Dimensi nilai kesyukuran menunjukkan tahap penghayatan yang tertinggi ( $M=4.22, SP=.52$ ), diikuti dimensi nilai patriotisme ( $M=4.16, SP=.61$ ), kemudian dimensi nilai hormat-menghormati ( $M=4.12, SP=.51$ ),

Sementara itu, kajian ini mendapati 14 dimensi nilai murni menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi. Nilai-nilai murni tersebut ialah nilai kebersihan fizikal dan mental ( $M=3.97, SP=.47$ ), nilai kasih sayang ( $M=3.89, SP=.55$ ). Seterusnya dimensi nilai kejujuran ( $M=3.85, SP=.52$ ), nilai hemah tinggi ( $M=3.86, SP=.55$ ), nilai kerjasama ( $M=3.82, SP=.52$ ), nilai keadilan ( $M=3.80, SP=.56$ ), nilai kebebasan ( $M=3.72, SP=.57$ ), nilai keberanian ( $M=3.71, SP=.57$ ), nilai baik hati ( $M=3.67, SP = .45$ ), nilai rasional ( $M=3.64, SP=.58$ ), nilai kesederhanaan ( $M=3.62, SP=.53$ ), nilai kerajinan ( $M=3.48, SP=.53$ ), nilai semangat bermasyarakat ( $M=3.43, SP=.54$ ) dan akhir sekali nilai berdikari ( $M=3.32, SP=.60$ ).

## Jadual 3

*Tahap penghayatan nilai murni pelajar SMK*

Dimensi Nilai	Min	SP	Interpretasi
Keseluruhan	3.79	.35	Sederhana tinggi
Baik hati	3.67	.45	Sederhana tinggi
Berdikari	3.32	.60	Sederhana tinggi
Hemah Tinggi	3.86	.55	Sederhana tinggi
Hormat-menghormati	4.12	.51	Tinggi
Kasih sayang	3.89	.55	Sederhana tinggi
Keadilan	3.80	.56	Sederhana tinggi
Kebebasan	3.72	.57	Sederhana tinggi
Keberanian	3.71	.57	Sederhana tinggi
Kebersihan fizikal dan mental	3.97	.47	Sederhana tinggi
Kejujuran	3.85	.52	Sederhana tinggi
Kerajinan	3.48	.53	Sederhana tinggi
Kerjasama	3.82	.52	Sederhana tinggi
Kesederhanaan	3.62	.52	Sederhana tinggi
Kesyukuran	4.22	.52	Tinggi
Rasional	3.64	.58	Sederhana tinggi
Semangat bermasyarakat	3.43	.54	Sederhana tinggi
Patriotisme	4.16	.61	Tinggi

Dapatkan secara lebih mendalam melalui temu bual kajian ini turut menggambarkan bahawa responden menunjukkan penghayatan nilai kesyukuran dengan bersyukur segala nikmat yang diberikan oleh Tuhan dan berasa cukup dengan pemberian Tuhan. Ini jelas digambarkan oleh beberapa orang responden yang ditemu bual seperti bersyukur dengan kesempurnaan diri dan apa yang ada, menggunakan benda dan sesuatu yang diperolehi untuk kebaikan dan bersyukur dengan anugerah tuhan kerana memperolehi bentuk badan yang lengkap. Selain itu, responden menunjukkan penghayatan nilai kesyukuran yang tinggi dengan mengenang budi orang yang telah memberi pertolongan dan berterima kasih di atas pemberian orang lain. Disamping itu, tahap penghayatan nilai kesyukuran juga ditunjukkan tinggi dalam aspek tidak merungut dan tidak mengeluh apabila ditimpa musibah atau penyakit. Ini diperkuatkukan lagi melalui dapatkan temu bual pelajar yang menghayati nilai tersebut dengan pengakuan menyatakan seperti selalu ucap terima kasih kepada kawan yang menolong dan yang memberi sesuatu dan berdoa kepada Allah apabila ditimpa musibah serta berusaha dan bersabar.

Dapatkan tinjauan soal selidik hanya menunjukkan min pada tahap sederhana tinggi dan nilai yang paling rendah penghayatannya. Hasil temu bual bersama beberapa orang responden menjelaskan lagi gambaran kurangnya

penghayatan nilai berdikari dalam kalangan responden seperti pernyataan yang mengatakan “*saya tak berdikari sangat... banyak bergantung kepada mak*” (TB 1, 14/9/2011); “*Sejak dok asrama....baru semua buat sendiri*” (TB 5, 21/9/2011); “*Kalau mak tiada dirumah....baru masak sendirila...*”(TB 7, 22/9/2011), (TB 12, 6/10/2011). Begitu juga penghayatan nilai berdikari responden dalam aspek akademik dan kerja sekolah yang agak kurang memuaskan.

*“Dalam hal kerja sekolah.....ada sesetengah usaha sendiri....kekadang banyak tiru dulu kawan dan kemudian baru tanya.”*

(TB 1, 14/9/2011)

*“Sebelum ni soalan yang tak faham.....saya suruh kawan pi tanya cikgu....”*

(TB 2, 14/9/2011)

*“Kerja sekolah buat sendiri....tapi kawan-kawan ada juga yang hanya nak ambil jawapan sahaja ..tak nak berusaha.”*

(TB 7, 22/9/2011)

*“Kalau tak suruh baca....saya tak akan baca.”*

(TB 8, 3/10/2011)

Begitu juga dengan nilai semangat bermasyarakat seperti mempunyai semangat berkongsi dalam kehidupan berkomuniti, mengambil berat terhadap masalah jiran sekiranya diminta tolong, peka terhadap isu sosial dalam masyarakat, menghargai dan memelihara segala kemudahan awam yang disediakan, menyertai rakan-rakan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan sebagainya haruslah lebih dihayati dan dipraktikkan dalam kehidupan. Dapatkan menunjukkan penghayatan nilai semangat bermasyarakat berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis temubual separa berstruktur turut menyokong dapatan yang menunjukkan terdapat responden kurang menghayati nilai semangat bermasyarakat terutama dalam aspek menyertai rakan-rakan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan memberi sumbangsan dalam aktitviti kejiraninan seperti dapatan temubual tiga orang responden menyatakan:

*“.... jarang-jarang terlibat aktiviti masyarakat.”*

(TB 1, 14/9/2011)

*“kurang...saya jarang keluar rumah....aktiviti banyak orang-orang tua yang buat....geng remaja dalam*

*kampung saya pun macam tu jugak.... jarang.... mungkin kerana tak ada geng kot.”*  
*(TB 2, 14/9/2011)*

*“tidak pernah...rakan-rakan tak mau join.... saya pun tak mau buat.”*  
*(TB 10, 5/10/2011)*

Selain itu, nilai kerajinan juga menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi dalam kalangan responden dan antara nilai murni yang ketiga terendah dihayati. Pelajar seharusnya menghayati dan mengamalkan sikap kerajinan yang lebih dalam kehidupan mereka. Sifat tidak melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh pada setiap masa, tidak menyiapkan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan cepat putus asa hendaklah dikurangkan. Apa yang merisaukan dapatan menunjukkan sifat malas untuk mengulangkaji pelajaran adalah yang paling rendah dihayati dan diamalkan oleh responden. Ini turut disokong melalui hasil temubual bersama responden yang menjelaskan malas dan jarang ulangkaji pelajaran, mengulangkaji apabila hampir peperiksaan dan apabila disuruh oleh orang lain terutama ibu bapa. Begitu juga terdapat responden yang menyatakan selalu tidak menyiapkan tugasan dan kerja sekolah dalam tempoh yang ditetapkan dan lewat.

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

Dapatan ini secara umumnya selari dengan dapatan yang telah diperolehi oleh Azhar Ahmad (2006) tentang tahap penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah di Sarawak yang juga berada pada tahap sederhana tinggi. Begitu juga dapatan kajian ini menyokong kajian Zakaria Kasa et al. (1994) yang mendapati secara keseluruhan pelajar hanya dalam kategori ‘menghayati’ sahaja terhadap kesemua 16 nilai murni yang menunjukkan berada tahap kedua seperti kajian pengkaji. Selain itu dapatan kajian ini hampir selaras dengan penemuan kajian Al-Hooli dan Al-Shammari (2009) yang mendapati hanya lebih 50% pelajar menunjukkan penghayatan yang tinggi bagi setiap dimensi nilai yang dikaji.

Analisis selanjutnya menunjukkan daripada 17 nilai murni, terdapat 3 dimensi nilai murni menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi. Dapatan ini agak berbeza dengan hasil kajian Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003) yang mendapati terdapat 12 nilai yang dihayati sepenuhnya oleh responden yang boleh dikategorikan tahap tinggi. Perbezaan ini mungkin kerana kajian yang dijalankan oleh Yahya Buntat & Rozita Sanapi (2003) melibatkan responden dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi yang mana tahap perkembangan mereka dikatakan berada pada tahap akhir remaja dan awal

dewasa (Aswati Hamzah, 2007). Pada tahap ini, individu sudah mencapai tahap kematangan dari pelbagai aspek psikologi, emosi, kognitif dan sosial (Aswati Hamzah, 2007). Tempoh pendidikan yang diterima sepanjang sekolah menengah dan di institusi pendidikan tinggi terutama pendidikan berteraskan kerohanian memberikan impak kepada penghayatan nilai murni. Selain itu, keadaan ini mungkin tahap umur mereka bersesuaian dengan peringkat teori perkembangan moral Kohlberg yang kelima iaitu *orientasi contract-legalistic social* (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999; Nik Rosila Nik Yaakob, 2010). Berdasarkan peringkat ini seseorang itu berkelakuan baik kerana kepatuhan kepada undang-undang dan kontrak sosial yang dibuat. Hal ini bertujuan bagi menjamin kebijakan dan menjaga hak-hak asasi setiap orang. Selain itu, komitmen pada kontrak sosial itu bukan sahaja kepada diri sendiri, tetapi juga kepada keluarga, kawan dan jiran serta tanggungjawab pada kerjaya (Nik Rosila Nik Yaakob, 2010). Manakala dalam kajian ini responden adalah terdiri daripada pelajar tingkatan empat (16 tahun) yang tahap perkembangan moral mereka berada pada peringkat keempat iaitu orientasi undang-undang dan peraturan (Abdul Rahman Md. Aroff, 1999; Nik Rosila Nik Yaakob, 2010). Pada peringkat ini seseorang itu menganggap apa yang betul ialah memenuhi tanggungjawab pada peraturan yang ditetapkan oleh autoriti. Mereka berlaku baik sebab mengelak daripada berlakunya pelanggaran peraturan supaya sesuatu institusi dapat berjalan lancar (Nik Rosila Nik Yaakob, 2010).

Secara umumnya, dapatan ini menunjukkan suatu dapatan yang membimbangkan kerana hanya tiga dimensi nilai murni yang menunjukkan pada tahap penghayatan yang tinggi. Ini kerana penghayatan akhlak dan nilai murni menggambarkan tingkah laku, pemikiran, pengucapan dan perwatakan yang dilahirkan dari hati nurani seseorang (Mansor Abd. Kadir, 1997). Abd. Rahim Abd. Rashid, 2001) juga menjelaskan bahawa penghayatan nilai-nilai murni penting kerana ia akan mempengaruhi sikap, amalan dan tindakan seseorang. Sekiranya keadaan ini berterusan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia seterusnya hasrat kerajaan dalam aspek pembangunan modal insan dalam menuju wawasan 2020 sebagaimana yang dinyatakan oleh Abdullah Ahmad Badawi (2005) yang mahukan pembangunan modal insan diseimbangkan dengan kemantapan kekuatan rohani tidak akan berjaya sepenuhnya. Oleh itu usaha kearah meningkatkan lagi lebih banyak penghayatan nilai murni berada pada tahap yang tinggi adalah perlu segera dan berterusan.

Perbincangan selanjutnya adalah berkisar tentang dapatan beberapa dimensi penghayatan nilai murni. Sebagaimana yang dijelaskan terdapat tiga dimensi nilai murni yang menunjukkan tahap penghayatan nilai murni yang tinggi iaitu nilai kesyukuran yang tertinggi, diikuti nilai patriotisme dan kemudian nilai hormat menghormati. Berdasarkan skor min, penghayatan nilai kesyukuran dalam kalangan responden menunjukkan secara keseluruhannya berada pada tahap tinggi. Dapatan kajian ini adalah selari dengan hasil

dapatkan kajian Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003), Nik Zaharah Nik Yaakob (2007), Al-Hooli dan Al-Shammary (2009) dan Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid dan Samsilah Roslan (2011). Fenomena ini menunjukkan, nilai kesyukuran adalah menjadi norma hidup yang utama dalam kalangan responden kajian. Analisis bagi setiap item dalam dimensi nilai kesyukuran mengukuhkan lagi penemuan kajian ini. Ini lebih jelas daptan menunjukkan hampir semua item menggambarkan skor min penghayatan yang tinggi. Antaranya ialah bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh Tuhan adalah tertinggi.

Fenomena ini menunjukkan, nilai kesyukuran seperti berterima kasih di atas pemberian orang lain, berasa cukup dengan pemberian tuhan, tidak merungut apabila ditimpa musibah dan bersyukur dengan segala nikmat yang diberikan oleh Tuhan menunjukkan penghayatan yang tinggi oleh para responden. Dapatan ini selaras dengan kajian Al-Hooli dan Al-Shammary (2009) yang juga menunjukkan amalan-amalan seperti dapatan pengkaji ditunjukkan amalan harian yang tinggi oleh kanak-kanak dalam kajian Al-Hooli dan Al-Shammary (2009). Dapatan kajian ini juga menyokong kenyataan Abdul Rahman Md. Aroff (1993) yang menjelaskan bahawa seseorang itu hendaklah menunjukkan sikap kesyukuran di atas pemberian seseorang dengan berterima kasih, mengenang budi dan menunjukkan penghargaan. Namun begitu, dapatan kajian ini menunjukkan tahap penghayatan nilai kesyukuran dalam aspek berasa insaf melihat kemiskinan dan kesusahan hidup orang lain adalah sederhana tinggi. Temu bual juga mendapati hanya seorang responden yang ada menyatakan berasa insaf melihat kemiskinan dan kesusahan hidup orang lain dengan menjelaskan seperti “kekadang menangis dan sedih tengok orang yang tak ada kaki” (TB 7, 22/9/2011). Oleh itu, perkara ini haruslah diberi perhatian dan dipertingkatkan penghayatannya. Dengan adanya rasa insaf terhadap kesusahan orang lain seseorang itu akan sentiasa mensyukuri dengan nikmat dan anugerah yang diberikan serta sentiasa menghargainya.

Manakala kajian ini mendapati 14 dimensi nilai murni menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi. Di antara nilai-nilai tersebut, nilai yang agak rendah bagi kategori tahap sederhana tinggi ini ialah nilai berdikari, nilai semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan. Hasil kajian ini konsisten dengan dapatan awal Mohamad Khairi, Asmawati, Abdullah dan Samsilah (2011). Nilai berdikari seperti sifat berusaha sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, melakukan sesuatu kerja tanpa disuruh oleh sesiapa, percaya kepada kebolehan diri sendiri dan yakin dengan keputusan yang dibuat sendiri kurang dihayati dan diperlakukan dalam kehidupan pelajar.

Dapatan ini menggambarkan satu fenomena yang merisaukan kerana dalam arus globalisasi dengan penggunaan teknologi maklumat yang pantas para pelajar haruslah lebih mempunyai nilai dan sifat berdikari. Ini penting supaya usaha kerajaan dalam menuju wawasan 2020 akan tercapai dengan

jayanya. Dengan melakukan sesuatu tugas dan kewajipan dengan usaha diri sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, seorang individu dapat menjayakan dirinya mengikut keupayaan dan potensi yang ada pada dirinya (Abdul Rahman Md. Aroff, 1993). Seseorang yang berdikari akan mengembangkan kebolehan dan potensinya dengan cara yang lebih positif (Abdul Rahman Md. Aroff, 1993). Ini bermakna seseorang itu akan memikirkan berbagai cara untuk mencapai kecemerlangan diri dan akademik bukan bertindak apabila disuruh oleh orang lain. Justeru, berdasarkan daptan kajian ini yang menunjukkan bahawa penghayatan nilai berdikari adalah nilai yang paling rendah dihayati berbanding nilai murni yang lain haruslah diberi perhatian oleh semua pihak samada pelajar itu sendiri, ibu bapa, guru dan sebagainya.

Secara keseluruhannya daptan kajian ini adalah selari dengan kajian Yahya Buntat dan Rozita Sanapi (2003) yang mendapati tahap kerajinan para pelajar agak rendah berbanding dengan penghayatan dan amalan nilai-nilai murni yang lain. Oleh itu, usaha meningkatkan penghayatan nilai kerajinan adalah perlu kerana tanpa nilai kerajinan sudah tentu sukar untuk memperolehi kejayaan dalam akademik dan kehidupan. Sifat kerajinan akan membawa pelbagai kejayaan dalam hidup seseorang. Seseorang itu seharusnya mempunyai usaha berterusan yang penuh dengan semangat ketekunan, kegigihan, dedikasi dan daya usaha (Ee Ah Meng, 1992). Kejayaan yang dicapai melalui kerajinan merupakan dorongan untuk seseorang itu meningkatkan usahanya dan terus berjaya dengan lebih cemerlang. Kerajinan dan tercapainya kejayaan boleh memupuk keyakinan dalam diri seseorang untuk sentiasa memajukan diri (Abdul Rahman Md. Aroff, 1993).

## **Penutup**

Hasil kajian ini diperlihatkan secara keseluruhannya tahap penghayatan nilai murni pelajar adalah sederhana tinggi dan hanya agak memuaskan sahaja. Dapatkan jelas menunjukkan daripada 17 nilai murni yang dikaji didapati hanya 3 jenis nilai menunjukkan tahap penghayatan yang tinggi dan 14 jenis nilai menunjukkan tahap penghayatan yang sederhana tinggi. Ini menggambarkan bahawa sikap mereka yang mementingkan sebahagian sahaja nilai-nilai murni perlu diberi perhatian. Perhatian yang serius adalah perlu terutama terhadap nilai-nilai yang agak rendah penghayatannya iaitu nilai berdikari, semangat bermasyarakat dan nilai kerajinan seperti yang dibincangkan. Ini penting supaya gejala sosial dalam kalangan remaja dapat dibendung. Kecenderungan kepada penghayatan nilai yang baik dalam kehidupan boleh membantu meningkatkan prestasi akademik dan seterusnya menyumbang kepada kesejahteraan hidup pada masa hadapan (Mumtazah Othman & Nurizan Yahaya, 2009). Kesan mementingkan keseluruhan aspek nilai murni dalam kehidupan akan mewujudkan keberkatan dalam kehidupan setiap individu (Noor Lela Ahmad, 2008).

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2002). Pendidikan akhlak dalam KBSM : Persepsi pelajar terhadap konsep akhlak. *Prosiding wacana Pendidikan Islam (Siri 1): Kurikulum bersepadu Pendidikan Islam menghadapi cabaran era globalisasi*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Rahman Hj. Ismail. (2008). Gejala sosial remaja: Implikasi terhadap keselamatan negara. *Jurnal Yadim*, 10, 240-255.
- Ab. Rahman Mahmud & Amidin Zin. (2003). *Amalan nilai murni di kalangan pelajar : satu kajian di Terengganu Darul Iman*. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan. Holiday Inn, Kuching, Sarawak, 19-20 Ogos
- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Ahmad Badawi. (2005, 1 Oktober ). Membangunkan modal insan. *Berita Harian*. Laporan Ekonomi 2005/2006.
- Abdullah Nasih 'Ulwan. (1984). *Tarbiyyah al-awlad fi al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Islam.
- Abdul Rahman Md Aroff. (1993). *Pengetahuan moral*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman Md Aroff. (1999). *Pendidikan Moral: Teori etika dan amalan moral*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Aiken, L.R. (2000). *Psychological testing and assessment*. Boston: Alyn & Bacon.
- Al-Hooli, A. & Al-Shammari, Z. (2009). Teaching and learning moral values through kindergarten curriculum. *Education*, 129(3), 382-399
- Amaludin Ab. Rahman & Khadijah Alavi. (2007). Tren gejala sosial di kalangan remaja: Kajian kes di pusat pemulihan akhlak Malaysia. *Malaysia Journal of Social Policy and Society*, 4, 87-104.
- Aminuddin Hassan, Rohaizan Ishak, & Vizata M. Sapian. (2009). Falsafah pendidikan sebagai tunggak penyelesaian masalah sosial. Dlm. Shaffe Mohd Daud, Sharifah Md Nor, Habsah Ismail & Mohd Hazwan Mohd Puad (Eds.) *Pengajaran dan pembelajaran daripada pelbagai perspektif* (hlm. 3-24). Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Razavieh, A., & Sorensen, C. (2006). *Intorduction to research in education* (7th ed.). Canada : Thomson Wadsworth.
- Asmawati Suhid, Rahyl Mahyuddin, & Abdul Rahman Mad Aroff. (2001, 23 – 25 Mei). *Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap Pendidikan Moral*. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

- Aswati Hamzah. (2007). *Satu kajian skema taakulan akhlak dalam kalangan pelajar Melayu*. Tesis Ph.D. Universiti Sains Malaysia.
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri. (2007). Penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Yadim*, 9, 16-32.
- Azma Mahmood. (2006). *Pengukuran tahap penghayatan pendidikan Islam pelajar-pelajar sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2012). *Data salah laku disiplin murid*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2010). *Enrolmen murid tingkatan 4 mengikut jenis sekolah dan negeri*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahaman, A. S., & Turiman, S. (1999). *Statistic For Social Research With Computer Applications*. Kuala Lumpur: JJ Print & Copy.
- Bennis, W. G. (1989). *On becoming a leader*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Best, J. W., & Kahn, J. V. (1989). *Research in education*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bloom, Benyamin S. (1979). *Taksonomy of Educational Objectives (The Clasification of Educational Goals) Handbook 1 Cognitive Domain*. London: Longman Group Ltd.
- Bryman & Cramer. (1999). *Quantative data analysis with SPSS release eight minute for windows*: Aguide for social scientis: London: Routledge.
- Creswell, J. W. (2005). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research* (2nd ed.). New Jersey: Pearson Education, Inc.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1994). *Kamus dewan (edisi ketiga)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng. (1992). *Pendidikan Moral: Untuk bakal guru*. Kuala Lumpur: Logman.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2009). Didik generasi muda tanggungjawab setiap muslim [http://www.bharian.com.my/Current\\_News/BH\\_Monday/Agama/20090524214952/Article/index\\_html](http://www.bharian.com.my/Current_News/BH_Monday/Agama/20090524214952/Article/index_html). Dimuat turun pada 25 Mei 2009.
- Fatimi Hanafi & Mohd. Zamani Ismail. (2006, 13-14 Jun). *Penghayatan nilai-nilai murni dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pengajian Umum.
- Gordon, S. P. (2004). *Profesional development for school improvement: Empowering learning communities*. Boston: Pearson.
- Harery Abu Saad. (2007). *Perkaitan penghayatan akhlak, sikap terhadap sains, pencapaian dan pemilihan kerjaya di kalangan pelajar dalam*

- konteks pembangunan modal insan bersepadu dalam bidang sains dan teknologi di SMKA.* Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Langgulung. (1987). Penghayatan nilai-nilai Islam ditinjau dari proses pembelajaran dalam konteks pendidikan masa kini. *Jurnal Pendidikan Islam*, 2 (5), 13-30.
- Hassan Langgulung. (1995). *Pendidikan Islam dan peralihan paradigma*. Shah Alam: Hizbi.
- Hishamudin Tun Hussein Onn. (2005). *Kempen budi bahasa dan nilai-nilai murni di sekolah peringkat kebangsaan. Ucapan Menteri Pelajaran Malaysia*, Sempena Pelancaran Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni di Sekolah, Peringkat Kebangsaan, 21 Jun 2005, di Sek. Keb. Putrajaya 2, Presint 9, Putrajaya. Dimuat turun pada 30 Jun 2009 dari [http://www.moe.gov.my/webdwibahasa/pustaka\\_jbt\\_pdf/2005/21-06-05\\_Kempen\\_Budi\\_Bahasa\\_Di\\_Sekolah\\_Prgkt\\_Kbgsn.pdf](http://www.moe.gov.my/webdwibahasa/pustaka_jbt_pdf/2005/21-06-05_Kempen_Budi_Bahasa_Di_Sekolah_Prgkt_Kbgsn.pdf)
- Jamiah Hj. Manap, Azimi Hamzah, Sidek Mohd Noah, & Hasnan Kassan. (2004, 24-27 Disember). *Prinsip pengukuran religiosity dan personality religiosity daripada perspektif Islam*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on Islamic Thought, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Johnson, B., & Christensen, L. (2007). *Educational research: Quantitative, qualitative, and mixed approaches* (3rd ed.). Thousand Oaks: Sage.
- Khadijah Rohani Mohd Yunus. (2008, 24-25 Julai). *Pembentukan tingkah laku pro sosial dan insan berkualiti*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Pendidikan Akhlak dan Moral. Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Krathwohl, D. R., Bloom, B. S., & Masia, B. B. (1964). *Taxonomy of educational objectives: The classification of educational goals. Handbook II: Affective Domain*. New York: David McKay Company, Inc.
- Lihanna Borhan. (2001, 23 – 25 Mei). Persepsi nilai etika dan idealisme remaja Malaysia. Kertas Kerja *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Moral Dalam Dunia Globalisasi*, Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Mansor Abd. Kadir. (1997, 13 November). Pembinaan sahsiah, disiplin dan kepimpinan pelajar SMKA. Seminar Kebangsaan SMKA: SMKA model pendidikan alaf baru. Institut Aminuddin Baki, Genting Highland.
- Masalah sosial membimbangkan. (2007, 17 April). *Utusan Malaysia*. Dimuat turun pada 15 Jun 2009, dari <http://blis2.bernama.com.eserv.uum.edu.my/mainHomeBypass.do>
- Mohamad Khairi Hj Othman, Asmawati Suhid, Abdullah Mat Rashid, & Samsilah Roslan. (2011). Hubungan faktor-faktor sosial dengan penghayatan nilai murni pelajar: Satu dapatan awal. *Prosceding 16<sup>th</sup> International Conference on Education*. Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam.

- Mumtazah Othman & Nurizan Yahaya. (2009). Penghayatan nilai-nilai murni dalam kalangan remaja sekolah. *Malaysian Journal of Social Policy and Society*, 6, 1-20.
- Nik Azis Nik Pa. (1994). *Penghayatan wawasan pembangunan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Azis Nik Pa. (2007). Konsepsi tentang Cabaran dan Isu Kritikal dalam Pendidikan Islam. Dlm. Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (editor). *Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari* (halaman 1 – 33). Putrajaya : Yayasan Islam Hadhari.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2010). *Pendidikan kerohanian dan moral: Prasekolah*. Selangor: PTS Professional Publishing.
- Nik Zaharah Nik Yaakob. (2007). *Kajian penerapan nilai murni menerusi pengajaran bermodul*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran Prinsip Perakaunan*. Tesis Ph.D. Univerisiti Kebangsaan Malaysia.
- Nor Azizah Mohd. Salleh, Siti Rahayah Ariffin, & Musa Daia. (2001). Penerapan nilai murni melalui pembelajaran kooperatif dalam Sains. *Jurnal Pendidikan*, 27, 47-57.
- Nunally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York: Mc Graw Hill Publication Company.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1988). *Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (1990). *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustakan & Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2005). *Buku panduan pengajaran dan pembelajaran nilai merentas kurikulum KBSR / KBSM*. Kuala Lumpur : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ramaiah, A. L. (1999). *Kepimpinan pendidikan cabaran masa kini*. Kuala Lumpur: Penerbit IBS.
- Robiah Kulop Hamzah. (2001). *Kajian terhadap penerapan nilai murni dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah rendah di Hulu Langat, Selangor*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sufean Hussin (1989). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Superka, D. P., Ahren, C., Hedstrom, J.E, Ford, L.J. & Johnson, P.L. (1976). *Value education sourcebook*. Colorado: Social Science Education Consortium, Inc.